



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PAMERAN KARTUN  
'SEIRING SEJALAN'**

**14 OGOS 2023 (ISNIN)**

**11.00 PAGI**

**TINGKAT 2, FAHRENHEIT88 MALL,  
BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR**

# **Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana kita dapat berkumpul di Fahrenheit88 Mall bagi meraikan dan menyaksikan **Pameran Kartun ‘Seiring Sejalan’** ini. Penganjuran pameran kartun ini adalah kesepakatan antara **Arkib Negara Malaysia, Fahrenheit88 Mall bersama Rumah Kartun dan Komik Malaysia**.
  
2. Ianya amat bermakna dalam usaha kita memartabatkan seni kartun dan komik dan juga seni animasi di Malaysia yang dapat **membantu memupuk keharmonian dan persefahaman sosial** menerusi karya-karya yang dihasilkan. Di samping itu, ia turut mendekatkan masyarakat kepada penggiat seni kartun, komik dan animasi serta memberi pendedahan kepada mereka tentang potensi industri seni visual tempatan terutamanya kepada generasi muda hari ini.

3. Pameran kartun ini dianjurkan **bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023** yang bertemakan ‘MALAYSIA Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan’ yang turut mendokong usaha YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menyatupadukan rakyat Malaysia berbilang kaum, agama dan latar belakang.

### **SENI KARTUN PEMANGKIN PERPADUAN MASYARAKAT**

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

4. Seni yang tiada sempadan, membolehkannya menjadi antara komponen perpaduan yang sangat bernilai. **Semangat perpaduan boleh diterapkan dan disuburkan melalui karya seni visual** sebagaimana yang dihasilkan oleh penggiat-penggiat seni kartun, komik dan animasi di Malaysia. Contohnya, tokoh kartunis Malaysia yang kini diiktiraf sebagai **Seniman Diraja**, Yang Berbahagia Dato' Mohammad Nor bin Mohammad Khalid atau nama penanya ‘Dato’ Lat’ yang menghasilkan kartun ‘Kampung Boy’ mampu menonjolkan **kepelbagaian kaum** yang hidup harmoni di sebuah kampung walaupun berbeza agama dan bangsa.

5. Meskipun masyarakat pada hari ini telah didedahkan dengan teknologi yang serba canggih, ini bukan menjadi alasan industri seni visual untuk dilupakan. Seni kartun, komik dan animasi ini akan terus berevolusi mengikut perkembangan semasa supaya **karya-karya yang dihasilkan kekal relevan sebagai wadah komunikasi yang sangat berkesan dalam menyalurkan mesej tentang kepentingan kesepaduan sosial sebagai pemangkin keharmonian masyarakat sekeliling.**
6. Di samping itu, matlamat penganjuran pameran kartun ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan **masyarakat MADANI yang bersatu padu dan saling menghormati tidak kira bangsa, agama dan budaya.** Mesej-mesej seperti bersatu-padu, saling menghormati serta cinta akan tanah air mampu diterapkan melalui penceritaan dalam kartun, komik dan animasi yang dihasilkan.
7. Seni visual ini seharusnya menjadi **ejen saluran informasi dan mesej yang berbentuk positif kepada masyarakat sekeliling** sebagai salah satu usaha pembentukan jati diri bangsa dan perpaduan nasional.

8. Usahlah kita menyalahgunakan seni ini sebagai satu bentuk propaganda yang negatif sebagaimana yang telah terjadi di luar negara seperti hebahan isu Islamofobia yang hanya mencemarkan agama dan merosakkan keharmonian masyarakat sejagat.

### **PENGANJURAN PROGRAM PAMERAN KARTUN ‘SEIRING SEJALAN’**

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

9. Penganjuran pameran kartun ini merupakan **program kolaborasi yang pertama** antara Arkib Negara Malaysia dan Fahrenheit88 Mall dengan Rumah Kartun dan Komik Malaysia yang dilihat amat penting dalam usaha memelihara dan **mempromosikan khazanah warisan negara** kepada masyarakat Malaysia.
10. Saya menyambut baik usaha Arkib Negara Malaysia dalam menganjurkan pameran-pameran seumpama ini sebagai salah satu program untuk menyokong inisiatif ‘Ini Warisan Kita’ yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara baru-baru ini. Semoga dengan usaha ini,

**kesepaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI dapat dikekalkan.**

11. Ini selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu dapat membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi saling menghormati dan bertanggungjawab.

### **PENUTUP**

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih serta syabas kepada Arkib Negara Malaysia, Fahrenheit88 Mall dan Rumah Kartun dan Komik Malaysia kerana menjayakan pameran kartun ini. Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Pameran Kartun ‘Seiring Sejalan’**.

Sekian, terima kasih.